KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	17/1/2022 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	29
JABATAN	:	PERHILITAN			

Kaji harimau dipasang kolar penjejak

Bagi memudahkan untuk menjejaki kedudukan haiwan itu

Oleh ADILA SHARINNI WAHID

KOTA BHARU

Kementerian Tenaga dan Sumber Asli mengkaji pemasangan kolar penjejak kepada harimau-harimau di negara ini bagi memudahkan usaha mengesan haiwan itu.

Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan berkata, setakat ini pihak Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) diarahkan mengkaji perkara tersebut.

Katanya, kolar penjejak itu menggunakan satelit yang akan memudahkan usaha mengesan kedudukan harimau apabila dipasangkan alat itu.

"Kolar penjejak yang dicadangkan ini adalah sama dengan yang digunakan terhadap gajah liar.

"Jadi, kita bercadang menggunakan penjejak itu kepada kira-kira 150 harimau di negara ini bagi memudahkan mengesan kedudukan haiwan itu sekiranya berpindah ke kawasan lain atau keluar dari habitat asal," katanya kepada pemberita di Pusat Khidmat Ahli Parlimen Kota Bharu di sini pada Ahad.

Beliau sebelum itu menyampaikan sumbangan kepada 10 penerima terdiri daripada persatuan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan kelab membabitkan peruntukan lebih RM50,000.

Takiyuddin berkata, kerajaan melakukan pelbagai usaha dalam mengimbangkan kepentingan pembangunan dan kelestarian alam.

"Pada Disember lalu, kerajaan melakukan pindaan pada Akta Perhilitan dengan meningkatkan jumlah denda kepada pesalah daripada denda RM500,000 kepada RM1 juta dan daripada penjara 10 tahun dinaikkan kepada 15 tahun.

"Kami menyedari perkara ini malah usaha menyelamatkan hidupan liar turut disertai Perdana Menteri sendiri yang mempengerusikan mesyuarat untuk membincangkan langkah antaranya permanian beradas bagi mengelakkan kepupusan harimau," katanya.

Mengulas ancaman harimau yang berkeliaran di Pos Bihai, Gua Musang baru-baru ini yang dikaitkan akibat aktiviti pembalakan, beliau berkata, kerajaan negeri diberikan hak untuk menebang balak sebagai sumber pendapatan negeri.

"Setiap kerajaan negeri diberikan kuasa mengikut undang-undang untuk menebang balak mengikut kapasiti Catuan Tebangan Tahunan (CTT).

"Ini sumber pendapatan tetapi perlu ada penanaman semula dan kawalan supaya tidak menjejaskan habitat hidupan liar," katanya.



TAKIYUDDIN

Kita bercadang menggunakan penjejak itu kepada kira-kira 150 harimau di negara ini bagi memudahkan mengesan kedudukan haiwan itu sekirannya berpindah ke kawasan lain atau keluar dari habitat asal."



Laporan *Sinar Ahad.*